

12 AUG 1997

Koh-Cenderamata

KOH CADANG CENDERAMATA DITUKAR DENGAN SUMBANGAN DERMA

PULAU PINANG, 12 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini mencadangkan agar penganjur sesuatu majlis menukarkan pemberian cenderamata kepada pemimpin dengan sumbangan derma untuk pelbagai organisasi termasuk tabung amanah yang diseliakan kerajaan.

Katanya, pemberian sumbangan derma yang disampaikan menerusi para pemimpin itu lebih bermakna daripada memberi cenderamata sebagai kegunaan peribadi pemimpin tertentu yang merasmikan sesuatu majlis.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Rangkaian Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di sini, beliau berkata penganjur sesuatu majlis sepatutnya mengadakan upacara sumbangan kepada pihak-pihak tertentu seperti Tabung Kebajikan Negeri, Tabung Yang Dipertua Negeri, Tabung Kebudayaan dan sebagainya bagi memperingati majlis mereka itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan minggu lepas yang kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu garis panduan mengenai penerimaan cenderamata oleh pemimpin politik atau kakitangan awam.

Koh berkata, pemberian cenderamata kepada para pemimpin sebenarnya tidak begitu bermakna kerana mereka tidak memanfaatkannya selain cuma menyimpannya di bilik pejabat sahaja.

"Saya sendiri ada kalanya tidak membuka sesuatu cenderamata sehingga berminggu-minggu dan apabila saya mendapati bahawa cenderamata itu sungguh berharga, saya memulangkannya kepada penganjur dan meminta agar ia digantikan dengan pemberian derma kepada tabung-tabung kebajikan", katanya.

Pada majlis itu, Koh berkata, pengusaha IKS kini perlu lebih mempertingkatkan keupayaan untuk mengeksport pengeluaran mereka.

Katanya, selain daripada pasaran tempatan, pengusaha IKS perlulah mengglobalisasikan perniagaan mereka kerana perniagaan dalam industri itu kini sudah bertaraf antarabangsa.

Kerajaan negeri sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada industri perkilangan dan industri pelancongan kerana kedua-dua sektor itu dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri di peringkat antarabangsa. -- BERNAMA

AA NMO